

# Perlu catat pengalaman agar warisan tidak terputus

-7 FEB 1991

**S**ULIT hendak mencari buku mengenai silat Melayu. Begitu juga sukar hendak mencari dokumen mengenai ilmu perubatan tradisional, ilmu mengurut dan sebagainya.

"Saya pernah belajar silat gayung. Lepas itu saya jumpa salah seorang maha gurunya — minta beliau turunkan ilmunya dalam bentuk buku. *PENAKIL/DAUD*

"Tapi mahaguru itu menolak mentah-mentah. Mana boleh. Ini ilmu bukan untuk dijual beli. Sejak itu, hati saya tawar," kata seorang bekas guru silat.

Tambah guru tadi, silat gayung bukanlah seratus peratus seni silat Melayu tulen. Ia campuran pelbagai seni mempertahankan diri tetapi diadun menjadi milik Melayu.

Bukan saja silat gayung, malah tari Melayu seperti ronggeng atau muzik Melayu seperti keroncong pun bukan 100 peratus Melayu.

Tetapi kerana hanya orang Melayu yang lebih arif dan mengamalkannya, jadi ia milik Melayu.

Kini silat tersebar sehingga ke California dan Belanda, dibawa oleh tok guru silat dari Indonesia.

Dan setiap kali ada peraduan silat olahraga, banyak pesilat bukan Melayu yang menjadi juara.

Tentulah ini tidak bermakna berakhir zaman pendekar Melayu?

Dalam banyak hal, buku Melayu termasuk seni membuat keris ditulis oleh bukan Melayu. Antara yang terkemuka ialah karya Mubin Sheppard yang untungnya telahpun memeluk Islam.

Tan Sri Mubin juga menulis mengenai pelbagai seni pertukangan Melayu.

Dan pernah ketika beliau berada di Radio Televisyen Singapura (kini Perbadanan Penyiaran Singapura), seorang teman menceritakan bahawa Tan Sri Mubin berkata: "Saya lebih Melayu daripada orang Melayu."

Apakah kesannya? Mudah saja jawabannya. Pewarisan yang disebut-sebut itu sebenarnya tidak ber-

## PADA HEMAT SAYA

MOHD RAMAN DAUD

laku.

Bila berbual dengan orang tua-tua sastera, saya sering tercengang-cengang dengan fakta-fakta yang tidak pernah disebut?

Fakta begini hanya terakam apabila ada orang yang mahu menulisnya — bukan untuk nama atau untuk wang, tetapi untuk pewarisan.

Cuma yang menjadi masalah ialah tabiat orang Melayu yang tidak gemar menulis. Usah cakap, hendak menulis diari yang betul-betul serius.

Mujurlah ada Jabatan Arkib yang mencatat pada pita cerita langsung dari mulut orang Melayu lama-lama. Tetapi selepas itu, apa lagi?

Apa yang dikhuatiri ialah masa akan mengalahkahkan kita. 'Khazanah' lama yang bergerak itu perlu ditadah dari sekarang.

Apakah caranya?

Satu, orang lama sendiri menulis atau setidak-tidaknya merakamkan suaranya — sehari satu topik.

Kedua, badan-badan Melayu sendiri mengusahakan rancangan merakam pengalaman itu. -7 FEB 1991

Soal sama ada buku catatan pengalaman yang bakal terbit laku atau tidak, bukanlah persoalan utama.

Anehnya, inilah yang sering difikirkan oleh mana-mana penulis atau badan.

Jika soalan ini menjadi keberatan, bayangkanlah mungkin Samuel Peppys, penulis diari terkemuka Britain dalam abad ke-17, mungkin tak kuasa hendak menurunkan pengalamannya.

Dan bagi kita yang muda-muda ini, rajin-rajinlah menulis — sekalipun nilai bahasanya tak seberapa.

Perjalanan jauh bermula dengan satu langkah.